

PREDNISOLONE TABLET

Prednisolone (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PREDNISOLONE TABLET
2. Bagaimana PREDNISOLONE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan PREDNISOLONE TABLET
4. Cara menggunakan PREDNISOLONE TABLET
5. Semasa menggunakan PREDNISOLONE TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PREDNISOLONE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan PREDNISOLONE TABLET

PREDNISOLONE TABLET digunakan untuk rawatan asma, penyakit alahan, penyakit yang melibatkan inflamasi seperti *rheumatoid arthritis*, *rheumatosis*, penyakit Still's, dan *rheumatoid myocarditis*, *rheumatic myelitis*, *gouty arthritis* (inflamasi pada sendi), *psoriasis* (masalah kulit seperti kemerahan, gatal-gatal, dan bersisik), *osteoarthritis* (kemerosotan sendi), gout akut dan kronik dan penyakit keradangan kulit yang lain.

Bagaimana PREDNISOLONE TABLET berfungsi

Prednisolone boleh mengurangkan atau mencegah tindak balas tisu terhadap proses keradangan dengan menghalang pengumpulan sel-sel radang di tempat keradangan. Ia juga menghalang penghasilan dan/atau pelepasan beberapa mediator kimia keradangan.

Sebelum menggunakan PREDNISOLONE TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Prednisolone tidak boleh disyorkan pengambilannya untuk orang yang mempunyai jangkitan kulat sistemik dan sesiapa yang hipersensitif terhadap sebarang bahan dalam produk ini.

-Sebelum menggunakan PREDNISOLONE TABLET

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat apabila digunakan bersama PREDNISOLONE TABLET mungkin berlaku tindak balas sesama sendiri. Ini termasuk:

- Antikonvulsi, seperti Barbiturate dan Phenytoin, ubat untuk sawan.
- Rifampicin, ubat untuk merawat jangkitan bakteria.
- Cyclosporine, ubat untuk mencegah penolakan pemindahan organ.
- Kortikosteroid, ubat untuk merawat penyakit keradangan.
- Non-steroidal anti-inflammatory drugs* (NSAIDs)
- Antacid, ubat untuk meneutralkan asid perut.
- Insulin, digunakan untuk kencing manis.

Cara menggunakan PREDNISOLONE TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Penyakit daripada tisu penghubung: *Rheumatoid arthritis*: Pada permulaan, ambil 5mg Prednisolone setiap hari pada sebelah pagi atau selang sehari; dos perlu diselaraskan mengikut tindak balas penyakit secara individu. Jika keadaan tidak bertambah baik, dos steroid boleh ditambahkan 1mg selang beberapa minggu sehingga maxima 10mg sehari.

Rheumatic carditis: Dos ialah 1mg/kg berat badan sehari dalam dos tunggal atau dalam dos berasingan selama 7-10 hari, kemudian dikurangkan sebanyak 2.5mg setiap hari setiap 5-7 hari.

Asma dan penyakit salur pernafasan lain: 5-10mg diambil dengan mulut dalam dos tunggal atau dalam dos berasingan.

Untuk kes yang lain, dos permulaan dewasa ialah 5-60mg setiap hari, bergantung kepada jenis penyakit, biasanya dibahagi kepada 2-4 dos. Dos boleh dikurangkan sebanyak setengah hingga satu tablet, selang 2-3 hari untuk pengekalan. Dos boleh diselaraskan mengikut simptom dan umur.

-Bila perlu digunakan

PREDNISOLONE TABLET perlu diambil mengikut masa yang dicadangkan oleh doktor anda atau ahli farmasi. Ia boleh diambil bersama atau tidak bersama makanan.

-Berapa lama perlu digunakan

PREDNISOLONE TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

Semasa menggunakan PREDNISOLONE TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan Prednisolone untuk ibu mengandung, menyusukan anak, atau wanita yang melahirkan anak memerlukan pertimbangan antara potensi faedah dan potensi bahaya kepada ibu dan embrio atau janin. Langkah berjaga-jaga perlu diambil pada orang yang mempunyai masalah kegagalan jantung yang disebabkan oleh pengumpulan cecair. Kortikosteroid akan memburukkan lagi keadaan kencing manis, osteoporosis, tekanan darah tinggi, peningkatan tekanan dalam mata dan sawan.

Prednisolone mungkin akan mengaburi tanda-tanda jangkitan dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya.

Langkah penjagaan perlu diambil apabila terdapat sejarah gangguan mood yang teruk (terutamanya sejarah *steroid psychosis* yang teruk), pernah mengalami penyakit otot yang berkaitan dengan steroid atau ulser perut.

Kesan-kesan sampingan

Terapi yang berpanjangan boleh mengurangkan fungsi adrenal pituitari dan komplikasi utama ialah cecair dan elektrolit dalam badan terganggu, kadar gula dalam darah yang tinggi, kehadiran gula dalam urin, peningkatan kecenderungan untuk mendapatkan jangkitan seperti *tuberculosis* (jangkitan bakteria), lubang atau ulser peptik, *osteoporosis* (tulang yang rapuh), gangguan dalam kelakuan, katarak (kekaburan kanta mata), *striae* (tanda regangan), *ecchymosis* (perubahan warna kulit), jerawat, *hirsutism* (pertumbuhan rambut yang tidak normal).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan PREDNISOLONE TABLET

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

PREDNISOLONE TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat dan berwarna putih, melengkung sedikit pada kedua-dua belah, satu permukaan ada tanda skor manakala bahagian yang satu lagi ada tanda “Ⓨ”.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

Prednisolone

Bahan tidak aktif-

Lactose

Starch

Cellulose Calcium

Magnesium Stearate

Magnesium Aluminometasilicate

Sodium Starch Glycolate

Sodium Lauryl Sulfate

-Nombor MAL

MAL19940028AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/4/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)190416/00114